

PERBARISAN BULANAN KETUA SKUADRON BANTUAN OPERASI DAN PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA LLP

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2892-perbarisan-bulanan-ketua-skuadron-bantuan-operasi-dan-pemakaian-pangkat

GONG KEDAK, 15 Jan 18 - Perbarisan Bulanan Ketua Skuadron Bantuan Operasi telah diadakan di Perkarangan Flait Bomba Pangkalan Udara Gong Kedak. Perbarisan terdiri daripada 9 Pegawai dan 58 Anggota Lain-lain pangkat yang diketuai Mej Azman bin Ab Fatah TUDM manakala Pegawai Waran Perbarisan PW U I Wan Mohd Nazuan bin Wan Nor@Nordin.

Dalam majlis tersebut Ketua Skuadron Bantuan Operasi, YBhg Lt Kol Hj Khalid bin Hamzah TUDM juga telah menyempurnakan pemakaian pangkat kepada 5 anggota Lain-lain pangkat iaitu Pegawai Waran Udara Dua Faizam bin Che Ka dan Pegawai Waran Udara Dua Norkhairulzamzuria binti Norihan. Kedua-dua mereka dinaikkan pangkat ke pemangku Pegawai Waran Udara Satu. Manakala Sarjan Udara Mohd Sobri bin Salleh dinaikkan pangkat ke pemangku Flait Sarjan, Koperal Udara M.Krishnan a/l Munaindy dinaikkan ke pangkat pemangku Sarjan Udara dan Laskar Udara Satu Muhammad Norizat bin Mohd Rasip dinaikkan ke pangkat Laskar Udara Kanan.

Selesai majlis tersebut turut diadakan Solat Dhuha berjemaah serta pemberian cenderahati kepada anggota yang menimang cahayamata dan yang baru berkahwin.



